

SENARAI SEMAK PENERIMAAN BAHAN MAKLUMAT PRODUK TERSENARAI/ MAKANAN PELENGKAP

Nama Syarikat : _____ Tarikh/ Hari : _____

Tajuk Bahan : _____

Tujuan Penghasilan Bahan: Tandakan 'X' pada kotak yang berkenaan.

- | | |
|--------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | 1. Edaran kepada profesional kesihatan di fasiliti kesihatan. |
| <input type="checkbox"/> | 2. Edaran/ Kegunaan di majlis saintifik. |
| <input type="checkbox"/> | 3. Terbitan dalam majalah untuk profesional kesihatan.
(Nama majalah: _____) |
| <input type="checkbox"/> | 4. Lain-lain
(Nyatakan: _____) |

A) KEPERLUAN AM SEMASA PENERIMAAN BAHAN

Bil.	Perkara	Patuh (√)	Tidak patuh (X)	Tindakan
1.	Surat iringan disertakan dengan bahan maklumat yang dikemukakan untuk penapisan.			
2.	Bahan maklumat yang dikemukakan untuk penapisan disertakan seperti dalam kuantiti berikut: i. 1 salinan berwarna ii. 19 salinan bercetak hitam putih iii. 1 salinan elektronik			
3.	1 salinan elektronik bahan maklumat terdahulu yang telah mendapat kod kelulusan disertakan. (Kecuali permohonan penapisan bahan maklumat baru).			
4.	1 salinan elektronik bagi label produk tersenarai / makanan pelengkap yang telah mendapat kod kelulusan yang dipamerkan dalam bahan maklumat (Sekiranya berkaitan).			
5.	3 fail salinan bagi semua bahan rujukan seperti yang dinyatakan di dalam bahan pendidikan disertakan. Semua salinan tersebut dinomborkan mengikut senarai rujukan pada bahan maklumat.			

Bil.	Perkara	Patuh (√)	Tidak patuh (X)	Tindakan
6.	Salinan sijil daripada Perbadanan Harta Intelek disertakan sekiranya cap dagangan berstatus ® dan/ atau salinan Borang Setuju Terima (<i>Letter of Acceptance</i>) sekiranya permohonan berstatus ™ didapati terdapat pada bahan maklumat/ gambar bungkusan produk tersenarai/ makanan pelengkap yang dipamerkan pada bahan ini. (Sekiranya berkaitan).			
8.	Salinan sijil Standard Malaysian MS 1529: Pengeluaran, Pemprosesan, Pelabelan dan Pemasaran Makanan Berasaskan Tumbuhan Yang Dihasilkan Secara Organik. (Bagi bahan maklumat maklumat termasuk yang terdapat pada gambar bungkusan produk yang dipaparkan yang mengandungi perkataan “organik”, “biologikal”, “ekologikal”, “biodinamik” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai maksud yang sama, sekiranya berkaitan).			
9.	Senarai kod kelulusan label bagi semua gambar bungkusan produk tersenarai/ makanan pelengkap yang dipamerkan pada bahan maklumat disertakan.			
10.	Kod kelulusan label bagi semua gambar bungkusan produk tersenarai/ makanan pelengkap yang dipamerkan pada bahan maklumat belum tamat tempoh sah laku.			
11.	Reka bentuk bahan maklumat yang dikemukakan untuk penapisan adalah reka bentuk sebenar seperti yang dicadang untuk dicetak.			

B) KEPERLUAN PEMATUHAN TATA ETIKA PEMASARAN MAKANAN BAYI DAN PRODUK BERKAITAN

Bil.	Perkara		Patuh (√)	Tidak patuh (X)	Tindakan
1.	Bahasa	Penggunaan bahasa pada bahan maklumat adalah tepat, jelas dan tidak mengelirukan.			
		Terjemahan bahasa pada bahan maklumat adalah tepat dan tidak mengelirukan. (Sekiranya berkaitan).			
2.	Penyataan positif penyusuan susu ibu bagi bahan maklumat berkaitan produk tersenarai (Jika berkaitan)	<p>Bahan maklumat mempunyai pernyataan positif penyusuan susu ibu dan kandungan pernyataan tersebut merangkumi semua topik-topik berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pentingnya permulaan awal penyusuan susu ibu dalam tempoh 1 jam selepas kelahiran. ii. Faedah penyusuan susu ibu dan keunggulan susu ibu. iii. Pemakanan ibu dan pengurusan penyusuan susu ibu iv. Kesan-kesan negatif memperkenalkan rumusan bayi secara selangan terhadap penyusuan susu ibu. v. Kesukaran untuk mengubah keputusan untuk tidak mengamalkan penyusuan susu ibu. vi. Nasihat dan sokongan penyusuan susu ibu untuk ibu-ibu bekerja. 			
		Pernyataan positif penyusuan susu ibu tersebut menumpukan sekurang-kurangnya suku daripada kandungan bertulis atau ruangan bahan maklumat.			

Bil.	Perkara	Patuh (√)	Tidak patuh (X)	Tindakan
3	Maklumat tambahan bagi bahan berkaitan penggunaan rumusan bayi, rumusan susulan atau rumusan khas (Jika berkaitan)	Pernyataan yang merangkumi topik-topik berikut dinyatakan pada bahan maklumat: i. Penggunaan produk-produk tersenarai dengan cara yang betul. ii. Implikasi sosial dan kewangan terhadap penggunaannya iii. Bahayanya penggunaan produk dalam keadaan yang tidak perlu atau dengan cara yang tidak betul terhadap kesihatan bayi.		
4.	Pernyataan bagi bahan maklumat berkaitan makanan pelengkap (Jika berkaitan)	Pernyataan berikut dinyatakan pada bahan maklumat dalam cetakan huruf tidak kurang daripada 10 poin. i. “TIDAK BOLEH DIBERIKAN KEPADA BAYI YANG BERUMUR DI BAWAH 6 BULAN KECUALI ATAS NASIHAT PROFESIONAL KESIHATAN” ii. “UNTUK KESIHATAN BAYI YANG OPTIMA, PENYUSUAN SUSU IBU PERLU DITERUSKAN SEHINGGA UMUR 2 TAHUN DI SAMPING MEMBERI MAKANAN PELENGKAP”		
5.	Lain-lain	Maklumat yang terdapat pada bahan adalah berasaskan maklumat faktual dan saintifik .		
		Maklumat faktual dan saintifik yang dinyatakan pada bahan maklumat tidak berat sebelah dan tidak mencabar keunggulan susu ibu.		

Bil.	Perkara	Patuh (√)	Tidak patuh (X)	Tindakan
	Akuan berkaitan produk yang dinyatakan pada bahan maklumat mencerminkan keutuhan saintifik tanpa membayangkan bahawa produk tersebut adalah ulung, serupa atau setanding dengan susu ibu.			
	Semua maklumat kandungan nutrien yang merujuk kepada sesuatu produk yang dinyatakan pada bahan maklumat adalah sama seperti yang terdapat pada label sebenar produk tersebut. (Sekiranya berkaitan).			
	Semua ajuan pemakanan yang terdapat pada bahan maklumat adalah ajuan yang dibenarkan dibawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 sahaja dan memenuhi syarat yang diperlukan bagi ajuan tersebut.			
	Terdapat pernyataan "Untuk Profesional Kesihatan Sahaja" atau " <i>For Health Professionals Only</i> " pada setiap muka surat bahan maklumat dan ditulis dengan saiz huruf tidak kurang daripada 10 poin.			
	Bibliografi bagi semua bahan rujukan yang digunakan dinyatakan dengan lengkap pada bahan maklumat.			
	Nota kaki bagi bahan rujukan pada bahan maklumat dinyatakan dengan jelas secara saintifik dengan menggunakan nombor.			
	Setiap muka surat bahan maklumat dinomborkan dengan jelas.			

Bil.	Perkara		Patuh (√)	Tidak patuh (X)	Tindakan
6.	Perkara yang dilarang pada bahan maklumat	Tiada sebarang pernyataan berhubung faedah-faedah produk membanding/ merujuk kepada susu ibu terdapat pada bahan maklumat. (Kecuali jika ilustrasi (jadual, graf, carta, rajah)/ pernyataan perbandingan tersebut dipetik dari sesuatu kajian dengan syarat kajian tersebut dinyatakan sebagai abstrak atau keseluruhannya kandungannya dalam bahan maklumat).			
		Tiada sebarang tuntutan yang menyatakan keunggulan/ kelebihan produk atau kesamaan produk dengan susu ibu dinyatakan pada bahan maklumat dalam apa jua cara.			
		Tidak menggunakan perkataan, grafik atau gambar yang melambangkan gred, kualiti atau keunggulan produk ataupun maksud lain yang sama.			
		Tiada sebarang gambar, grafik, perkataan atau pernyataan yang mungkin memberi tanggapan keunggulan/ kelebihan/kualiti produk dinyatakan pada bahan maklumat dalam apa jua cara.			
		Tidak menggunakan sebarang gambar atau grafik bayi dan bahagian tubuh bayi atau manusia pada bahan maklumat.			
		Bahan ini tidak mengandungi maklumat yang berunsur mempromosikan produk dalam apa jua cara.			
		Tiada gambar bungkusan produk dipamerkan pada muka surat hadapan bahan maklumat.			

Bil.	Perkara		Patuh (√)	Tidak patuh (X)	Tindakan
		Tiada " <i>step diagram</i> " dipamerkan pada bahan maklumat ini.			
		Produk yang dibincangkan dalam bahan maklumat tidak dibandingkan dengan produk-produk tersenarai/ makanan pelengkap dan produk-produk di luar skop Tata Etika keluaran syarikat lain.			

NOTA PENTING:

Keperluan lain dalam Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan perlu dipatuhi.